

MB nafi k'jaan negeri rampas tanah rakyat di Hulu K'tan
Malaysiakini.com
May 23, 2011

Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menafikan kerajaan negeri itu merampas tanah rakyat yang didakwa berlaku di pedalaman Hulu Kelantan.

Beliau mengingatkan rakyat Kelantan agar tidak mengaku tanah diterokai adalah milik mereka selagi tanah itu belum dikeluarkan geran yang mengiktiraf pemilikinya.

Beliau berkata selagi tiada tindakan pihak berkuasa tempatan mengukur dengan meletakkan batu sempadan dan dikeluarkan geran hak milik tanah terbabit oleh pejabat tanah daerah, maka selagi itulah tanah itu menjadi hak milik kerajaan negeri.

"Saya menafikan kerajaan negeri merampas tanah rakyat yang didakwa berlaku di kawasan Hulu Kelantan dan apa yang kerajaan bangunkan membabitkan tanah yang belum dimiliki penduduk di kawasan pedalaman," katanya kepada pemberita selepas majlis Meraikan Pasangan Perkahwinan Orang Asli di Kampung Pasir Linggi, Pos Lebir, dekat Gua Musang hari ini.

Isu ladang rakyat menimbulkan kemarahan beberapa pihak apabila 500 Orang Asli berdemonstrasi menuntut kerajaan PAS menyerahkan kembali tanah adat mereka di hadapan pejabat Tanah dan Galian Gua Musang serta menyerahkan memorandum pada 18 Mei lepas.

Pada 16 Mei lalu, berapa badan bukan kerajaan (NGO) Kelantan dan Pemuda Umno mengadakan demonstrasi dengan berpakaian merah membantah projek ladang rakyat kerana didakwa berlaku penyelewengan di hadapan pejabat kerajaan negeri, Kota Darulnaim, Kota Bharu.

Pada 27 April lepas, tiga lelaki kaum Orang Asli Temiar dari Pos Belatim memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Kota Bharu supaya menghalang kerajaan PAS Kelantan daripada meluluskan tanah di Pos Belatim, Gua Musang kepada Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan untuk projek Ladang Rakyat.

- Bernama